

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat membina sebuah Pusat Rehabilitasi PERKESO di negeri Kedah untuk kemudahan pekerja di kawasan utara Semenanjung mendapatkan rawatan pemulihan supaya dapat kembali ke alam pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini, terdapat satu pusat rehabilitasi PERKESO yang lengkap dengan kemudahan teknologi rehabilitasi terkini, kemudahan wad, asrama, gimnasium, vokasional, *work hardening* dan terapi hidro dengan kapasiti anggota terlatih dan profesional terletak di Melaka bagi orang berinsurans (pekerja). Pusat ini boleh menampung maksimum 50 katil di hospital dan 300 katil di asrama pada satu-satu masa.

2. Bagi pembinaan sebuah pusat rehabilitasi baharu, ianya **memerlukan kos yang besar**. Justeru, cadangan untuk membuka pusat rehabilitasi baharu memerlukan kajian terperinci dan perlu mengambil kira pelbagai faktor serta perspektif secara menyeluruh **dari segi kemampuan dana PERKESO, kepentingan dan impak sosioekonomi selain faktor geografi, keperluan dan keutamaan (*urgency*)**.

3. Pada masa ini, Kerajaan tiada cadangan membuka pusat rehabilitasi di negeri Kedah. Walau bagaimanapun, bagi menampung keperluan pekerja-pekerja di kawasan utara Semenanjung, mereka boleh mendapatkan rawatan pemulihan di panel-panel rehabilitasi yang telah dilantik oleh PERKESO.

4. Kerajaan terbuka untuk mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membuka pusat rehabilitasi di mana-mana lokasi yang bersesuaian setelah mengambil kira pelbagai faktor seperti yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.